

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/03/27 - 18

### **PKPS TURUT LAYAK BAGI SYARIKAT YANG TELAH KEMUKA BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2018**

Lanjutan daripada kenyataan media bertarikh 21 Mac 2019, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pembayar cukai kategori syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018 dan telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi Tahun Taksiran (TT) 2018 sebelum pengumuman mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) ini dibuat semasa Pembentangan Bajet 2019 layak untuk menyertai program tersebut bagi Tahun Taksiran (TT) 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya.

Selain itu, pembayar cukai syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir seperti di atas yang telah mengemukakan permohonan untuk menyertai PKPS sebelum ini tetapi ditolak oleh LHDNM juga boleh mengemukakan semula permohonan tersebut. Syarikat-syarikat ini masih

layak menikmati pengurangan penalti dari 300% kepada 10% atau 15% ke atas cukai tambahan yang dibangkitkan, mengikut fasa yang disertai. Mengikut rekod LHDNM, sehingga kini LHDNM telah menerima sejumlah hampir 140 ribu BNCP Tahun Taksiran 2018 daripada pembayar cukai kategori syarikat.

Selepas tempoh PKPS ini tamat, kadar penalti sebanyak 45% akan dikuatkuasakan berdasarkan kepada rangka kerja audit sedia ada.

**Kaunter Program Khas Pengakuan Sukarela dibuka pada 30 & 31 Mac 2019 (Sabtu & Ahad)**

Kaunter Perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di 36 Cawangan, 44 Pusat Khidmat Hasil dan 12 Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Negara akan beroperasi pada tarikh 30 & 31 Mac 2019 (Sabtu & Ahad) bagi memastikan kelancaran urusan pembayar cukai yang berhasrat menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) fasa pertama yang akan tamat pada 31 Mac 2019.



Kaunter Duti Setem yang akan dibuka pada tarikh tersebut adalah untuk pengeluaran notis taksiran secara dalam talian (STAMPS) kepada pembayar duti individu sahaja dan tidak termasuk wakil atau ejen bagi dokumen yang diterima melebihi tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh dokumen ditandatangani. Harap maklum bahawa tiada pembayaran duti setem akan diterima di kaunter pada tarikh tersebut.

Kaunter pusat bayaran LHDNM di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu tidak dibuka pada tarikh tersebut. Justeru bayaran baki cukai boleh dibuat melalui cek di kaunter perkhidmatan, secara dalam talian di Portal ByrHASiL di pautan <https://byrhasil.hasil.gov.my/> dan juga melalui perbankan internet serta kaunter bank ejen LHDNM. Bayaran baki cukai perlu dilunaskan selewat-lewatnya pada 1 April 2019 bagi mengelakkan sebarang kenaikan dikenakan.

LHDNM juga ingin memaklumkan bahawa Pusat Panggilan LHDNM atau Hasil Care Line (HCL) akan beroperasi pada tarikh 30 & 31 Mac 2019 untuk membantu pembayar cukai yang ingin mendapatkan penjelasan mengenai program ini



Waktu Operasi Kaunter Perkhidmatan di Cawangan, Pusat Khidmat Hasil (PKH), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Hasil Care Line (HCL) pada 30 & 31 Mac 2019 (Hari Sabtu & Ahad) adalah seperti yang berikut:

NEGERI	WAKTU OPERASI
Cawangan LHDNM dan Pusat Khidmat Hasil (PKH)	8.00 pagi – 5.00 petang
Pusat Transformasi Bandar (UTC) (Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Sabah, Sarawak & Pasir Gudang)	8.00 pagi – 5.00 petang
Pusat Transformasi Bandar (UTC) (Kelantan, Johor & Kedah)	1.00 petang – 10.00 malam

PERKHIDMATAN AM	TALIAN	WAKTU OPERASI
Hasil Care Line	<ul style="list-style-type: none"> <li>1-800-88-5436 (LHDN)</li> <li>603-7713 6666 (Luar Negara)</li> </ul>	9.00 pagi – 5.00 petang

PKPS merupakan satu penyelesaian cukai bagi mereka yang mempunyai akaun bank di luar negara tetapi pendapatannya tidak dilaporkan kepada LHDNM. Pada masa yang sama PKPS juga mengalu-alukan apa jua pengakuan (jika ada) yang ingin dibuat oleh pembayar cukai berhubung pendapatan yang berpunca dari dalam Malaysia. Sebarang pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS ini akan diterima secara suci hati tanpa semakan lanjut mahupun diaudit oleh LHDNM.

Fasa pertama PKPS yang mula dilaksanakan pada 3 November 2018 akan tamat pada 31 Mac 2019 dengan menawarkan kadar penalti yang sangat rendah iaitu hanya 10% atas amaun cukai tambahan yang dikenakan. Manakala bagi fasa kedua yang akan bermula pada 1 April 2019 dan akan tamat pada 30 Jun 2019 pula menawarkan kadar penalti 15% atas amaun cukai tambahan yang dikenakan.

Sehubungan dengan itu, LHDNM menyeru agar pembayar cukai yang mempunyai isu pematuhan cukai dan masih belum menyertai PKPS ini agar segera memanfaatkannya bagi mengelakkan bebanan penalti yang lebih tinggi dikenakan terhadap mereka selepas tempoh PKPS tamat.



Untuk sebarang keterangan lanjut, sila:

- i. Kunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;
- ii. Hubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara) ; atau
- iii. e-mel pertanyaan kepada: [pengakuansukarela@hasil.gov.my](mailto:pengakuansukarela@hasil.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Sabin bin Samitah**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
**27 Mac 2019**

# # #



---

**Sila Hubungi:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube